

16 MAY 2000

Mahathir-Hasut

KERAJAAN AKAN DEKATI GURU DAN PELAJAR YANG TELAH DIHASUT

IPOH, 16 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mendekati guru dan pelajar yang telah dihasut oleh "orang politik" untuk memberi penerangan selain mengetahui masalah sebenar yang dihadapi mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu berhubung dengan guru-guru ini untuk mengetahui apa masalah mereka. Apa sebabnya mereka sanggup gadai masa depan anak-anak kita kerana marah terhadap sesuatu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Guru peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau akan bertemu dengan para pemimpin guru termasuk pemimpin Cuepacs dan akan cuba berhubung dengan seberapa banyak guru yang ada.

"Kita boleh dan akan cuba berhubung dengan seberapa banyak guru tetapi kita mempunyai hampir 300,000 guru. Jadi, di peringkat saya nak jumpa semua tak upaya tapi setakat yang boleh kita akan bertemu dengan pemimpin-pemimpin guru dan guru-guru tertentu," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak berhasrat mengambil tindakan disiplin sewenang-wenangnya terhadap guru terbabit kecuali jika mereka melakukan sesuatu perkara yang melampau.

"Guru sendiri tak ada masalah dengan kerajaan. Kita berikan layanan yang cukup baik sehinggakan tak ada jawatan pun kita beri gaji. Apa lagi yang kita nak buat," katanya.

Dr Mahathir berkata golongan berkepentingan politik yang menghasut guru dan pelajar merupakan golongan yang sepatutnya disalahkan.

Beliau berkata parti pemerintah juga terpaksa mengadakan perjumpaan dengan pelajar dan penuntut universiti yang telah dihasut dan diselewengkan oleh golongan berkepentingan politik itu bagi membetulkan keadaan.

"Dulu kita berpendapat kita tak harus ganggu penuntut baik di sekolah atau universiti. Malangnya ada pihak tertentu yang tidak menghormati kepentingan pelajaran penuntut dan mereka menghasut (para pelajar) supaya apabila mereka membesar mereka memihak kepada parti politik tertentu," katanya.

Menurutnya, pihak terbabit sanggup menghasut penuntut untuk bergiat dalam politik secara langsung termasuk menjadi perayu undi, menyebarkan fitnah dan mengadakan demonstrasi.

"Ini merugikan kita. Kita pihak parti kerajaan tidak ada niat buat begitu walaupun kita mempunyai kuasa yang boleh kita guna untuk kepentingan kita."

"... namun kita berpendapat oleh kerana mereka telah diselewengkan maka kerajaan terpaksa mengadakan hubungan dengan penuntut dan beri penjelasan supaya mereka tidak terpengaruh dengan fitnah dan pembongkaran oleh pihak tertentu," katanya.

Mengenai kes seorang suri rumah yang dijangkiti kuman HIV selepas menjalani pemindahan darah di Hospital Jitra bulan lalu, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak sepatutnya berlaku jika proses terbabit dibuat mengikut prosedur.

"Saya sedih kerana ini berlaku... saya berpendapat kerajaan harus kaji dan selidiki supaya ia tidak berlaku lagi," katanya.

-- BERNAMA

HJ NMO